

05 JAN 2004

Pas-Negara

BEKAS ORANG KUAT PAS PERSOAL MATLAMAT PERJUANGAN PAS

KUALA TERENGGANU, 5 Jan (Bernama) -- Perjuangan Pas untuk menubuhkan sebuah negara Islam tidak relevan lagi selepas Malaysia diisytiharkan sebagai sebuah negara Islam oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada tahun 2000 dengan sebahagian besar daripada tuntutan Islam telahpun dilaksanakan kerajaan Barisan Nasional (BN).

"Pengisytiharan telahpun dibuat, cuma pengisiannya sahaja yang perlu diperkemas lagi dan dengan itu saya fikir Pas tidak sepatutnya lagi wujud di negara ini... buat apa adanya Pas sebab Malaysia sudahpun menjadi negara Islam.

"Jadi jika ada yang masih berjuang juga kononnya untuk menubuhkan negara Islam, maka perjuangan itu sudah tentu mempunyai kepentingan tertentu," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Abdul Latif, 63, yang juga bekas Pegawai Penerangan Pas Pusat berkata, beliau sendiri memperakui bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam dan meminta pengikutnya menyokong kerajaan BN yang kini menerajui Malaysia.

Menurutnya, beliau sudah terlalu lama dalam Pas tetapi ternyata pemimpin parti itu gagal untuk menyediakan konsep negara Islam, walaupun telah banyak kali didesak sebelum ini.

"Hari ini, kami yakin bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam dan menjadi tanggungjawab kami menyokongnya," kata beliau.

Sementara itu, Abdul Latif yang telah menubuhkan Yayasan Assalam Besut dua tahun lepas, berkata, Yayasan itu akan menganjurkan satu perhimpunan besar-besaran di padang Sekolah Kebangsaan Padang Luas Besut, Rabu ini.

Menurutnya, perhimpunan itu yang bertujuan menjelaskan kepada rakyat mengenai pelbagai isu semasa yang berkaitan dengan matlamat sebenar perjuangan Pas dijangka dihadiri lebih 10,000 orang ahli dan bekas pemimpin parti itu.

Sambil bertekad untuk membantu BN menubuhkan kerajaan Pas di

Terengganu pada pilihan raya umum akan datang, Abdul Latif berkata lebih 4,000 bekas ahli dan penyokong Pas di Besut kini bersedia membantu merealisasikannya.

Abdul Latif juga berkata pihaknya yakin dapat menarik sokongan lebih seribu anggota Pas di setiap kawasan Parlimen bagi menghadapi pilihan raya umum nanti dan program Selamat Tinggal Pas akan diperluaskan ke seluruh negeri.

Ditanya kemungkinan ada yang mendakwa beliau telah "dibeli" oleh Umno ekoran tindakan itu, beliau berkata sesiapa sahaja boleh membuat andaian dan tuduhan tetapi hakikatnya tidak boleh diubah sama sekali.

"Jika ada yang menuduh, mereka sebenarnya tidak faham mengenai perjuangan Islam tulin melalui kerajaan Barisan Nasional," katanya.

-- BERNAMA

AYB HIS PR